

## Mereka itu tidak dilupakan ..., kata Dr. M

"They're not forgotten — Mahathir FREEDOM CHANCE FOR ISA DETAINEES", kata sebuah kepala muka hadapan di Sunday Mail Julai 19, 1981.

Berita berikutan melaporkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai memberi gambaran bahawa sebilangan dari orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) mungkin akan berpeluang mendapatkan kebebasan.

Di ketika menjawab soalan-soalan setelah mengumumkan Kabinet barunya, Perdana Menteri itu berkata: "Adalah hasrat saya untuk mengkaji semula kedudukan kesemua orang-orang tahanan. Mereka itu tidak dilupakan." ("They are not forgotten people").

\* \* \*

### Komen Penulis:

Bercakap tentang "forgotten people", penulis terbaca berita dari sebuah akhbar luar negeri bertarikh 18 Julai, 1981 (di bawah tajuk "Prisoner who was 'forgotten' for 29 years") darihal seorang banduan Emmanuel Treadway, 46 tahun, yang dibebaskan Khamis lalu dari sebuah penjara di Amerika Syarikat — setelah dikurung selama 29 tahun atas tuduhan cuba merogol, tanpa dibicara atau dikenakan hukuman mahkamah.

Emmanuel dalam kes "forgotten prisoner" tersebut, yang tidak mempunyai keluarga dan tidak dibela oleh peguam, telah ditahan tanpa bicara lebih dari 25 tahun. Dalam tahun 1977, seorang peguam telah dilantik oleh mahkamah untuk membelanya.

Peguam berkenaan berjaya dalam permohonan supaya tuduhan terhadap Emmanuel ditarik balik, tapi mengambil masa 4 tahun untuk mendapatkan kebebasan bagi pelanggannya. Emmanuel Treadway adalah berumur 17 tahun bila dia mula ditangkap atas tuduhan cuba merogol. Dan setelah ditahan selama 18 tahun di beberapa buah penjara dia akhirnya dihantar ke Pusat Orang Cacat Otak, kerana dia disyaki tidak mempunyai akal yang sempurna.

Setelah berada di pusat tersebut selama 7 tahun, dia dihantar pula ke sebuah penjara di Pennsylvania.

### Catitan Khas:

Cerita darihal "forgotten prisoners" (banduan yang dituduh melakukan kesalahan jenayah biasa, yang ditahan di penjara selama berpuluh-puluh tahun tanpa bicara) adalah satu perkara biasa di setengah-setengah negara miskin yang mempunyai penduduk yang terlampau ramai, kerana banduan-banduan yang "dilupakan" itu, biasanya adalah lebih suka tinggal di dalam penjara, sebagai "tetamu Kerajaan". Sebab: Selaku banduan mereka boleh mendapat tempat tidur dan makanan percuma — kemudahan-kemudahan yang bukannya mudah untuk diperolehi di luar penjara.